

UCSI tawar Sarjana Psikologi Kanak-Kanak



Prof. Mohamed Nizam (tiga dari kiri) dan Abd Halim bergambar kenangan selepas Majlis Pelancaran Program Sarjana Psikologi Kanak-Kanak UCSI di kampus UCSI, Kuala Lumpur.

Kuala Lumpur: Universiti UCSI (UCSI) melancarkan program Sarjana Psikologi Kanak-Kanak

bagi melahirkan golongan profesional yang mampu membantu kanak-kanak kurang ber-

nasib baik terutama yang berada di bawah jagaan rumah kebajikan.

Timbalan Naib Canselor

(Penyelidikan dan Pengajian Siswazah) UCSI, Prof. Datuk Dr. Mohamed Nizam Isa, berkata program itu akan melengkapkan pelajar dengan latihan dan kemahiran untuk menyerlahkan ciri dan potensi kanak-kanak dengan memberi fokus kepada tahap penting dalam perkembangan psikologi kanak-kanak.

"Untuk menyerlahkan ciri terbaik dalam kanak-kanak, kita perlu terlebih dahulu memahami dan seterusnya membantu mereka menangani cabaran, memenuhi keperluan dan memberi motivasi.

"Penting bagi universiti melahirkan warga profesional yang bukan saja mahir dalam perkembangan kanak-kanak, malah mempunyai kesabaran

tinggi dalam membantu kanak-kanak menangani cabaran," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Program Sarjana Psikologi Kanak-Kanak UCSI di sini.

Modul program

Upacara pelancaran disempurnakan oleh Pengarah Bahagian Pengurusan Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam, Datuk Dr. Abd Halim Mohd.

Program ditawarkan menerusi Fakulti Sains Sosial dan Seni Liberal UCSI itu dilaksanakan secara sepenuh masa dan separuh masa bagi tempoh antara satu setengah tahun hingga empat tahun.

Antara modul didedahkan kepada pelajar menerusi program itu ialah teori perkembangan kanak-kanak,



Mohamed Nizam

perkembangan kognitif, sosial dan emosional, pendekatan kaunseling dan terapi bagi kanak-kanak, penilaian psikologi kanak-kanak, etika dalam psikologi serta isu keluarga, masyarakat dan budaya berkaitan psikologi kanak-kanak.